

05 DEC 2002

Chong-Pembalakan

LAPOR JIKA BENAR PEMBALAKAN HARAM BERLAKU DI KALABAKAN, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 5 Dis (Bernama) -- Pihak yang mendakwa berlakunya pembalakan haram di hutan Kalabakan, Tawau diminta supaya melaporkan perkara itu kepada polis bagi membolehkan tindakan dikenakan terhadap mereka yang bertanggungjawab, kata Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat.

"Kalau ada pembalakan haram, lapor sahaja kepada pihak polis," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Sabah bahawa terdapat kegiatan pembalakan yang berleluasa di Kalabakan yang boleh menjejaskan alam sekitar.

Sepa juga meminta kerajaan menghentikannya kerana mendakwa kegiatan itu menyebabkan kerosakan terhadap alam sekitar di kawasan berkenaan.

Pemangku Presiden persatuan itu Datin Sue Jayasuria dalam kenyataannya semalam turut mempersoalkan sama ada kegiatan pembalakan di situ telah mendapat kelulusan Kesan Penilaian Alam Sekitar (EIA) serta tidak bercanggah dengan peruntukan dalam Akta Perlindungan Alam Sekitar.

Chong berkata kawasan hutan Kalabakan yang telah disiang dan pokok-pokok asal ditebang akan digantikan dengan spesies-spesies balak dari kayu jenis lembut seperti Acacia.

Beliau juga berharap pihak bank akan menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memberi kemudahan pinjaman kepada para peniaga kecil untuk mengelak mereka dari ditindas oleh ceti-ceti haram atau Along.

Ditanya mengenai peranan media di Sabah dan laporan yang disiarkan, Chong berkata: "Sangat baik. Saya amat terhutang budi kepada anggota-anggota media, sebahagian besar daripada mereka sangat komited dan bertanggungjawab."

Chong berkata beliau akan menamatkan perkhidmatannya beberapa bulan lagi dan berharap pihak media akan terus memainkan peranan dalam mengetengahkan isu-isu yang membawa kepentingan awam.

-- BERNAMA

MK JS ROS